

TERMS AND CONDITIONS

1. #PLAY&LEARN (“Peraduan”) dianjurkan oleh Abbott Malaysia (“Penganjur”).
2. Peraduan ini bermula dari 1 Ogos 2021 hingga tarikh akhir penyertaan iaitu pada pukul 12PM, 30 September 2021. Penyertaan yang rosak, korup, tidak lengkap, tidak layak, atau diterima selepas pukul 12PM, pada 30 September 2021 akan disingkirkan.
3. Peraduan ini terbuka untuk penyertaan melalui laman Facebook rasmi Abbott sahaja iaitu @MyAbbottCares
4. Pihak penganjur boleh meminda mekanisme Peraduan, menarik balik atau menamatkan Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa notis awal atau sebab kepada mana-mana pihak.
5. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia, berumur 18 ke atas, yang tinggal di Malaysia (“Peserta-Peserta yang Layak”). Video & filem yang dihantarkan perlu dilukiskan oleh kanak-kanak berumur 1 tahun ke atas.
6. Staf pihak Penganjur, atau mana-mana pihak dan/atau syarikat yang berkaitan serta ahli keluarga mereka yang terdekat tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.
7. Pemenang akan dipilih berdasarkan kreativiti yang ditentukan oleh Penganjur dan pihak-pihak yang berkaitan. Peserta yang Layak dibenarkan untuk hantar penyertaan sebanyak mungkin.
8. Resit pembelian TIDAK diperlukan ketika menghantar penyertaan peraduan ini.
9. Resit pembelian DIPERLUKAN jika video filem anak anda terpilih untuk filem ini. Sila simpan salinan resit pembelian Similac Gain Plus® Gold, Similac Gain Kid® Gold, Similac® Intelli-Pro® Langkah 3 atau Similac® Intelli-Pro® Langkah 4. Pembelian yang sah adalah ketika tempoh peraduan sahaja iaitu 1 Ogos 2021 hingga 30 September 2021.
10. Setiap video filem yang dimuat naik adalah tertakluk kepada proses penjaminan kualiti sebelum ia disenarai pendek untuk menang Peraduan ini. Pihak Penganjur serta agensi-agensi yang dilantiknya berhak untuk menilai atau menyingkirkan setiap penyertaan mengikut budi bicara mutlaknya.
11. Pihak Pengajur berhak untuk: (a) mengekod, mengambil gambar, merakam, menyimpan, mengedarkan, menyebarkan, menggunakan, melesenkan, memaparkan, menyiarkan, menghasilkan semula, memasarkan atau menawarkan gambar-gambar itu; (b) menggunakan petikan, klip atau gambar pegun daripada gambar-gambar itu untuk tujuan perniagaan umum; dan (d) menyimpan salinan gambar-gambar itu supaya tersedia untuk permintaan pihak Penganjur; dan (e) menggunakan seluruh atau sebahagian daripada gambar-gambar itu yang berkait rapat dengan pengedaran, promosi dan penjualan produk.
12. Penyertaan yang menggambarkan sebarang kandungan yang tidak senonoh dan/atau menyinggung perasaan, termasuklah kebogelan provokatif, keganasan, hak asasi manusia dan/atau pencemaran alam sekitar, dan/atau kandungan yang bercanggah dengan undang-undang, agama, budaya, dan nilai-nilai murni adalah dilarang sama sekali dan akan hilang kelayakan.
13. Peserta yang menghantar penyertaan sebegitu akan dilarang secara tetap, tertakluk kepada pihak Pengajur mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menyertai peraduan-peraduan pada masa yang akan datang.

14. Pemenang akan diumumkan pada 17 October 2021 serta dihubungi melalui emel atau telefon. Semua keputusan yang diumumkan oleh pihak Penganjur serta Agensi Pengurusan Peraduan adalah muktamad.

15. Tempoh peraduan dan hadiah adalah tertakluk kepada penukaran oleh pihak Penganjur.

16. Penebusan Hadiah / Majlis Anugerah, kos pengangkutan, logistik, penginapan, makanan, serta kos-kos lain adalah atas tanggungan pemenang serta-merta. Pihak Penganjur tidak akan menaja sebarang elaun atau penginapan untuk pemenang dari negeri lain.

17. Saya setuju bahawa Terma dan Syarat di laman web ini adalah atas tujuan Abbott Laboratories untuk menghubungi saya mengenai produk atau perkhidmatan yang berkait rapat dengan saya atau anak saya. Saya memberikan persetujuan sebagai ibu bapa atau penjaga sah kanak-kanak (bawah umur 18 tahun) bahawa Data Peribadinya akan diproses seperti yang dinyatakan di atas. Saya menyedari bahawa maklumat peribadi saya akan dikumpulkan atas tujuan menerima kemas kini daripada Abbott mengenai kesihatan. Maklumat yang dihantarkan juga akan dikongsikan dengan sekutu dan anak syarikat Abbott, pihak ketiga yang bertanggungjawab, serta negara lain yang tidak mempunyai undang-undang peribadi yang bersamaan di sini.